

Sinar Harian - 18/5/2016

Cipta kejayaan dalam dua lapangan

PENUNTUT Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Pembangunan Perisian) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Nur Farah Afifah Ahmad Sukri melahirkan rasa bangga dengan diri sendiri apabila pada tahun pertama memulakan perniagaan online, sudah mampu bayar yuran pengajian menggunakan duit untung hasil jual tudung.

"Satu detik berharga kerana mampu melunaskan yuran guna hasil titik peluh sendiri, dan dalam masa sama bergelar pelajar cemerlang. Saya turut dianugerahkan Pelajar Terbaik Fakulti; tahun ini juga saat penting untuk saya fokus kepada pembangunan projek akhir dan dalam masa yang sama fasa untuk mengembangkan perniagaan," katanya.



Nur Farah mula berniaga online sejak 2014 ketika di semester dua, menggunakan modal permulaan, RM100. Katanya, ilham menjual tudung tercetus sewaktu dia menghasilkan tudung untuk dipakai sendiri, namun siapa sangka, rakan-rakan sekelas juga meminati rekaannya. Tambahan pula, pada waktu itu perniagaan online semakin diterima pelanggan.

"Keghairahan orang ramai membeli online pada masa itu begitu membantu rekaan saya. The Hijib mula mendapat tempat. Tahun pertama perniagaan pelanggan adalah kalangan rakan kampus.

"Disebabkan seorang yang aktif di kampus, dengan pelbagai jawatan, saya agak dikenali dalam kampus dan bisnes tudung juga semakin tersebar pantas," katanya.

Berkongsi kisah

pembabitannya dalam perniagaan, jelas Nur Farah ibu bapa adalah tulang belakang pendorong utama, baik dari segi moral mahupun galakan.

"Saya memang minat bisnes. Mak ayah, peniaga, mereka juga galakkan kami adik beradik berniaga. Setiap kali nak buka gerai berniaga di tapak pesta konvokesyen seumpamanya, saya minta izin mereka terlebih dulu, selalu mengambil kira pendapat dan nasihat, daripada pemilihan kain hingga kepada tukang jahit," katanya.

Dalam menjalani kehidupan sebagai mahasiswa pula, katanya semua yang dilakukan adalah kerana minat.

"Saya mampu mengawal kedua-duanya dengan seimbang. Mak ayah selalu pesan, walaupun sibuk berniaga, pelajaran usah dilupa. Dapat saja tugasan, disiapkan segera. Saya akan cari jalan untuk sempurnakan tugas akademik sebelum fokus pada perniagaan," katanya.

Nur Farah menjalankan perniagaan pakaian yang berlandaskan syariat melalui akaun *@thehijib* (instagram), dan *thehijib* (FB). Konsep yang diketengahkan adalah tudung labuh yang selesa dan eksklusif.